

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**
[PENGERANG]
TARIKH : **18 MAC 2019 (ISNIN)**
SOALAN : **57**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penyertaan Malaysia dalam Konvensyen Jenayah Siber Kesatuan Eropah “*Konvensyen Budapest*” yang mana Kerajaan sebelum ini telah bersetuju secara dasar dan kerangka undang-undang domestik juga mematuhi peruntukan artikel Konvensyen berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada ketika ini Kerajaan sedang meneliti semula segala keperluan dan tahap kesediaan agensi bagi tujuan penyertaan Malaysia kepada Konvensyen Budapest khususnya agensi penguatkuasa dan pihak Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) dari aspek teknikal, pengoperasian, cabaran dan kekangan yang bakal dihadapi. Penelitian ini turut mengambil kira kos dan pembangunan infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan Malaysia dapat memenuhi kehendak dan obligasi yang ditetapkan oleh Konvensyen Budapest sekiranya Malaysia menyertai Konvensyen ini.
2. Pendirian Kerajaan pada ketika ini juga adalah untuk meneliti semula setiap dasar dan keputusan termasuklah cadangan pindaan undang-undang yang telah diputuskan oleh Kerajaan terdahulu bagi memastikan setiap tindakan yang akan diambil atau dilaksanakan tidak akan menggugat kedaulatan dan kepentingan negara sekiranya Malaysia menyertai Konvensyen Budapest.
3. Disamping itu, pihak Kerajaan akan turut mengkaji semula tempoh masa yang sesuai dan diperlukan dalam melaksanakan semua tindakan ini sebelum sebarang keputusan berkenaan penyertaan Malaysia kepada Konvensyen Budapest diputuskan.

Sekian, terima kasih.